

# Ramadan platform erat perpaduan

HIDUP dalam sebuah negara yang hampir 61 tahun mencapai kemerdekaan adalah satu kurniaan buat rakyat Malaysia.

Sepanjang proses pembinaan negara, antara nilai yang sering diterapkan oleh pejuang kemerdekaan ialah kekuatan masyarakat melalui perpaduan.

Ini kerana hanya perpaduan mampu membentuk hala tuju negara ke arah yang lebih baik dan bertamadun.

Namun, hidup pada zaman teknologi maklumat dan komunikasi ini dikhuatiri mengikis semangat bersatu padu yang wujud, sekali gus mampu mengganggu-gugat ketenteraman

negara pada masa akan datang.

**Pensyarah Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Prof. Madya Dr. Mohd. Izani Mohd. Zain** berkata, perpaduan adalah nilai kemasyarakatan yang terhasil daripada interaksi tradisional yang kini semakin dipinggirkan.

Katanya, hubungan masyarakat terdahulu cukup erat dan lebih kukuh berbanding kini kerana amalan berkomunikasi secara bersemuka yang diamalkan.



MOHD. IZANI

“Dahulu, satu-satunya wadah untuk berbual, bertanyakan khabar, berkongsi pandangan adalah dengan bertemu antara satu sama lain pada majlis keraian, mesyuarat dan perhimpunan rasmi.

“Apabila bertemu, kita dapat menilai apa yang dikatakan, bahasa badan

dan nada yang digunakan oleh seseorang.

“Mesej dapat disampaikan dengan baik tanpa menyebabkan salah faham dan provokasi seperti yang sering terjadi di ruang laman sosial pada masa ini,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru

ini.

Tambah Mohd. Izani, generasi pada hari ini perlu menyuburkan semula amalan berbincang secara bersemuka terutamanya menjelang bulan Ramadan ini.

“Banyak perkara tidak baik sudah berlaku berpunca daripada perbezaan pendapat. Tambahan pula, negara baharu menghadapi Pilihan Raya Umum ke-14 baru-baru ini.

“Bersempena Ramadan ini, lupakan sebentar aplikasi sosial dan eratkan semula silaturahim sesama kita seperti berbuka puasa bersama jiran tetangga agar ukhuwah yang retak dan terputus kembali terjalin,” pesannya.